

Pembelajaran Konsonan Arab Mengikut Pelat Bahasa Melayu

Nik Mohd Rahimi
nrahimi@ukm.my
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Harun Baharudin
harunbaharudin@ukm.my
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ghazali Yusri
gy_ar@yahoo.com
Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA

Kamarul Shukri Mat Teh
kamarul@udm.edu.my
Fakulti Pengajian Komtemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia

Mohamed Amin Embi
m.amin@ukm.my
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Susunan alfabet konsonan bahasa Arab sekarang, iaitu [..... ا ب ت ث] tidak mengikut konsep ansur-maju (dari mudah ke sukar) kepada pelajar Melayu sebagaimana yang disarankan dalam teori pendidikan. Misalnya, huruf konsonan tha [ث] ialah konsonan yang sukar kepada pelajar Melayu kerana konsonan ini tidak ada dalam bahasa Melayu, tetapi konsonan ini berada di awal susunan alfabet Arab. Justeru kajian ini bertujuan menyusun huruf konsonan Arab mengikut pelat bahasa Melayu bagi tujuan pembelajaran. Manakala objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kefasihan pelat bahasa Melayu menyebut huruf konsonan Arab, dan menyusun huruf konsonan Arab mengikut kefasihan pelat bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan di pusat prasekolah dan responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada murid prasekolah berumur enam tahun. Pemilihan responden ini berasaskan mereka sedang berada di peringkat permulaan pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini menggunakan satu set ujian sebutan konsonan Arab berasaskan kaedah al-Khalil. Kaedah ini telah digunakan oleh al-Khalil untuk menyusun sebutan Arab dari bunyi rongga rengkung hingga bunyi dua bibir. Hasil ujian dinilai oleh dua penilai yang pakar dalam bidang tajwid dan tarannum. Hasil kajian menunjukkan 12 konsonan berada pada tahap sederhana fasih dan satu konsonan berada pada tahap tidak fasih, manakala selebihnya berada pada tahap fasih. Hasil kajian juga menunjukkan huruf wau [و] ialah huruf yang paling tinggi skor sebutan, dan huruf ghain [غ] ialah yang paling rendah skor sebutan. Oleh itu, disarankan hasil susunan konsonan

Arab dalam kajian ini digunakan untuk tujuan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah di Malaysia.

Katakunci: pembelajaran bahasa Arab, pemerolehan bahasa kedua, huruf konsonan Arab, murid prasekolah, kemahiran membaca

Learning The Arabic Consonants Through Malay Accent

Abstract

The current Arabic alphabetical order [..... ا ب ت ث] does not comply with the 'easy to difficult concept' for the Malay students as suggested in the education theory. For instance, alphabet 'tha' [ث] is considered difficult to the Malay students because the alphabet does not exist in the Malay alphabet consonant, whereas this alphabet is in the early part of the Arabic alphabetical order. Therefore, the aim of this study is to rearrange the Arabic consonants according to the Malay accent for learning purposes. The objectives of this study are to: (a) identify the fluency level of Arabic language consonants; and (b) rearrange the Arabic consonants according to the fluency of Malay accent. This study was carried out at the preschool centers deploying six-year-old children who have just started learning Arabic language. The instrument in this study was a set of pronunciation test based on al-Khalil Method. The pronunciation test was evaluated by two experts in 'tajwid' and 'tarannum' disciplines. The findings showed 12 consonants were found to be at the moderate level of fluency, and one at the weak level, and the rest at the high level. The findings also showed that the highest mean score is the alphabet [ج], and the lowest score is alphabet [غ]. Therefore, this study suggests the identified Arabic alphabetical order to be used in teaching of the pronunciation of Arabic language in Malaysian schools.

Keywords: Arabic language learning, second language acquisition, Arabic consonants, preschool children, Arabic language reading skills.